

OKT 2025 / BIL. 14 / 2025

EON

Epitome of Nature

MENJULANG INOVASI, MEMPERKASA EKONOMI



TIKTOK: INOVASI SOSIAL DAN EKONOMI DALAM ERA DIGITAL

Muhammad Faiz Zulkifli & Wan Nordini Hasnor Wan ismail

Fakulti Farmasi, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam, 13200 Pulau Pinang, MALAYSIA.

mfaiz@uitm.edu.my

EDITOR: NURHAMIMAH ZAINAL ABIDIN

Masyarakat moden kini lebih terbuka terhadap inovasi dan teknologi yang dapat memudahkan kehidupan seharian. Inovasi, menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, merujuk pada sesuatu yang baru diperkenalkan, sama ada daripada aspek kaedah, sistem, adat, dan lain-lain. Inovasi pada masa dahulu kurang diberi perhatian disebabkan sikap masyarakat yang lebih selesa dan terbiasa dengan pendekatan tradisional. Semangat yang teguh terhadap adat dan cara hidup yang diwarisi merupakan antara halangan utama sehingga proses penerimaan inovasi menjadi lebih perlahan.

Namun begitu, seiring dengan peredaran zaman dan transformasi teknologi, masyarakat kini lebih terbuka, malah lebih aktif mencari dan menjulang inovasi sebagai satu pendekatan penting demi mencapai kemajuan dan meningkatkan taraf hidup, sekali gus memperkasakan ekonomi. Dalam era yang dinamik dan penuh cabaran ini, penerapan teknologi dan pendekatan kreatif bukan lagi

satu pilihan, tetapi satu kewajiban demi memastikan perniagaan mampu terus kekal relevan, mampu bersaing, dan maju.


Inovasi juga menjadi teras penting dan nadi yang menghubungkan proses perniagaan dan dagangan di peringkat global. Aplikasi TikTok merupakan satu contoh yang amat relevan dalam membincangkan berkenaan inovasi apabila media sosial ini berdaya menjadi sebuah platform perniagaan yang mampu menjana pendapatan. TikTok, yang dibangunkan oleh ByteDance, bukan hanya sebuah media yang memaparkan hiburan dan keseronokan, malah turut menyediakan ruang dan peluang perniagaan sama ada secara lokal mahu pun global. Aplikasi yang diberi nafas baharu oleh teknologi algoritma pintar dan kreatif tersebut mampu menyajikan pengisian yang sesuai dengan citarasa dan pilihan pengguna, sekaligus mewujudkan satu ekosistem perniagaan yang lebih dinamik dan mampan. Berdasarkan data yang

Inovasi juga menjadi teras penting dan nadi yang menghubungkan proses perniagaan dan dagangan di peringkat global.

direkodkan, pada tahun 2023, pengguna TikTok di Malaysia adalah seramai 19.3 juta dan bilangan ini dijangkakan akan terus bertambah dari semasa ke semasa. Sementara itu, Mathew Woodward, menerusi artikel beliau "TikTok User Statistics 2025: Everything You Need to Know", melaporkan bahawa setakat April 2025, TikTok mencapai 1.5 bilion pengguna di seluruh dunia. Keupayaan platform media

sosial tersebut untuk mencapai jumlah pengguna yang luas dan di peringkat global menjadikannya satu medium yang amat relevan dan sesuai untuk mencari keseronokan dan berkongsi saat gembira. Selain itu, aplikasi ini juga boleh dimanfaatkan sebagai ruang mencari peluang perniagaan yang mampu menjana pendapatan yang lumayan.

Seiring dengan populariti platform tersebut, TikTok juga terus menambah baik fungsi aplikasinya sehingga dapat dijadikan sebuah hab e-dagangan yang kompleks dan mempunyai pelbagai kaedah mempromosikan produk dagangan. Langkah tersebut bukan sahaja membuka peluang perniagaan yang lebih luas, malah turut mewujudkan satu ekosistem yang mampu memberi manfaat dan pendapatan tambahan, terutamanya kepada pengengaruh dan peniaga tempatan. Dalam hal ini, pengengaruh tempatan juga tidak melepaskan peluang untuk menjana pendapatan pasif yang lumayan, dengan menyertai program “affiliate” yang disediakan oleh TikTok. Dalam proses tersebut, pengengaruh juga turut diberi peluang untuk meluaskan pengaruh dan jaringan perniagaan, sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi digital yang lebih mampan.



Rajah 1: Infografik inovasi sosial dan ekonomi dalam era digital.

(Sumber infografik: Koleksi peribadi penulis)

TikTok juga terus menambah baik fungsi aplikasinya sehingga dapat dijadikan sebuah hab e-dagangan yang kompleks dan mempunyai pelbagai kaedah mempromosikan produk dagangan.

Selain pengengaruh, inovasi yang dipromosikan menerusi platform TikTok juga memberi ruang dan peluang kepada peniaga-peniaga dari luar bandar untuk memasarkan produk masing-masing dengan lebih efektif dan berkesan. Dalam era teknologi yang serba pantas, proses perniagaan juga lebih mudah apabila peniaga hanya perlu berkongsi pautan produk di media sosial seperti WhatsApp, Facebook dan lain-lain, lalu menerima komisen bagi setiap pembelian yang berjaya. Pendekatan sebegini juga membuka peluang pekerjaan dan menyediakan punca pendapatan yang lebih stabil bagi peniaga mikro dan peniaga dari kawasan luar bandar, sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup dan ekonomi masyarakat setempat.

Secara umumnya, inovasi bukan lagi satu pilihan, tetapi satu kemestian yang harus difungsikan demi memenuhi keperluan dan permintaan masyarakat. Dalam proses tersebut, teknologi dan inovasi harus dilihat sebagai satu peluang yang harus dimanfaatkan sepenuhnya, dan bukan satu ancaman atau masalah. Seperti yang pernah ditekankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa memberi sokongan dan menyediakan pelbagai inisiatif demi membantu usahawan tempatan. Sejajar dengan visi tersebut, inovasi tempatan harus diberi ruang dan peluang yang lebih luas, misalnya, dengan

memanfaatkan platform media sosial seperti TikTok untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan, sekali gus meluaskan pasaran dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Ringkasnya, penggunaan teknologi dan media sosial bukan sahaja memberikan peluang untuk menjana pendapatan dan pekerjaan, malah turut mampu memangkin pertumbuhan ekonomi dan transformasi masyarakat. Dengan penerapan pendekatan kreatif dan inovatif, Malaysia mampu melangkah lebih jauh ke hadapan, mencapai visi kemakmuran bersama, dan memastikan kemajuan yang dikecapi dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Rujukan

